

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN B. MOHD YUNUS
(HULU LANGAT)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan penempatan baru IPPD Kajang yang kini tidak sesuai di kawasan sesak, dan penambahan anggota PDRM di IPPD Kajang akibat kewujudan banyak taman perumahan baru di daerah padat yang bersempadan dengan Negeri Sembilan, K. Lumpur dan Pahang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa meneliti dan mengkaji dari semasa ke semasa keperluan premis dan fasiliti bagi PDRM termasuk cadangan untuk memindahkan premis dan fasiliti sedia ada. Walau bagaimanapun, KDN perlu memberikan keutamaan kepada kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf premis PDRM yang uzur dan lebih mendesak.

Selain itu, bagi membina Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) baharu, KDN perlu mematuhi Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Antara ketetapan yang telah dibuat di dalam Garis Panduan berkenaan adalah perancangan sesuatu projek perlu mempunyai perjawatan sebagai asas untuk pertimbangan serta perlu mempunyai tapak tanah yang berkeluasan 10 hingga 15 ekar yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Berdasarkan fakta-fakta yang saya nyatakan tersebut, maka KDN berpandangan adalah wajar buat masa ini untuk mengekalkan IPD Kajang di lokasi sedia ada dan dalam masa yang sama mengambil tindakan susulan serta memperhalusi cadangan untuk memindahkan IPD Kajang ini ke lokasi yang lain. Selain itu juga, kekuatan pegawai dan anggota di IPD Kajang adalah mencukupi dan terdapat 8 balai polis yang terletak di bawah pentadbiran IPD ini. Walau bagaimanapun, PDRM akan menambah bilangan anggota sekiranya terdapat keperluan yang mendesak dan terdapat perjawatan baharu.